

Tarekat Ahmad B. Idris Al-Fasi dan Pengaruhnya di Malaysia

Tariqa Ahmad B. Idris and Its Influence in Malaysia

FAUDZINAIM BADARUDDIN, ZAKARIA STAPA, ABDULL RAHMAN MAHMOOD & MOHD KHAIRI MAHYUDDIN

ABSTRAK

Tarekat Ahmadiyyah Idrisiyyah adalah sebuah tarekat yang masyhur di dunia Islam. Ia dinisbahkan kepada Sayyid Abu al-'Abbas Ahmad b. Idris al-Hasani al-Ara'ishi al-Fasi (1757-1837M). Artikel ini bertujuan untuk menghuraikan tentang sejarah kemunculan tarekat tersebut dan pengaruhnya di Malaysia. Bagi mencapai objektif tersebut, kaedah penyelidikan secara kualitatif digunakan. Pengumpulan data dilakukan dengan dua kaedah, iaitu kajian kepustakaan dan analisis dokumen. Maklumat yang diperolehi telah dianalisis menggunakan kaedah persejarahan. Dapatkan kajian menunjukkan bahawa tarekat Ahmadiyyah Idrisiyyah pada awalnya merupakan sebuah gerakan tajdid berasaskan kerohanian. Setelah kewafatan Sayyid Ahmad B. Idris, ajaran beliau telah disebarluaskan melalui pendekatan institusi tarekat yang berbagai. Tarekat Ahmadiyyah Idrisiyyah di Malaysia telah dibawa masuk ke Malaysia bermula sekitar pertengahan abad ke-19 Masihi dari Mekah. Sejak dibawa masuk ke Malaysia, pengaruhnya tersebar ke beberapa buah negeri di Malaysia hingga masih diamalkan hingga kini melalui para pengikut kepada murid-murid Sayyid Ahmad B. Idris. Semenjak ia diperkenalkan di Malaysia, ia telah menjadi sebuah tarekat yang berpengaruh di beberapa buah negeri di Malaysia terutama di Negeri Sembilan and Kelantan. Perkembangan mutakhir Tarekat Ahmadiyyah Idrisiyyah menunjukkan dominasi peranan dan pengaruh besar keturunan Sayyid Ahmad B. Idris yang berasal Sudan. Setelah hampir dua abad, pengamalan Tarekat ini di Malaysia masih kuat dipertahankan melalui jaringan hubungan guru-murid di peringkat antarangsa menggunakan pendekatan institusi tarekat.

Kata kunci: Tarekat; Tarekat Muhammadiyya; Ahmadiyyah; Idrisiyyah; Zikir

ABSTRACT

The Ahmadiyyah Idrisiyyah is a well-known tariqa in the Muslim World. It is been associated to Sayyid Abu al-'Abbas Ahmad b. Idris al-Hasani al-Ara'ishi Al-Fasi (1757-1837). This article aims to expose the emergence of the tariqa and its influence in Malaysia. To achieve the objectives, this article employs a qualitative research method. Data collection is done by two methods, namely library research and document analysis. The obtained data were then analysed using historical analysis. The result of this study shows that Tariqa Ahmadiyyah Idrisiyyah was originally a spiritual base reform movement. After the demise of Sayyid Ahmad B. Idris, his teachings have been spread through the medium of various tariqa institutions by his students. The Tariqa Ahmadiyyah Idrisiyyah in Malaysia has been introduced into Malaysia around the middle of the 19th century from Mecca through the followers of Sayyid Ahmad B. Idris' students. Since its introduction to Malaysia, it has become an influence tariqa in several states of Malaysia especially in Negeri Sembilan and Kelantan. Recent development of the Tariqa Ahmadiyya Idrisiyya shows the role and dominance of role of the Sayyid Ahmad B. Idris descendants from Sudan in spreading the tariqa influence within the Muslim community in Malaysia. After nearly two centuries, the practiced of the Tariqa in Malaysia has been sustained through the chain of teacher-student relationship at the international level using the tariqa institutional approach.

Keywords: Tariqa; Tariqa Muhammadiyyah; Ahmadiyyah; Idrisiyyah; Dhikr

PENDAHULUAN

Institusi tarekat adalah sebuah jalan atau metod khusus yang dipraktikkan oleh seorang Muslim untuk membersihkan jiwanya (*al-nafs*) daripada sifat-sifat yang keji dan menghayati sifat-sifat yang terpuji (Abu Hanieh 2011:84). Di dalam dunia Islam, institusi tarekat telah berkembang pesat di seluruh dunia sejak zaman pengasasannya pada

abad ke-3 Hijrah sebagai salah satu kaedah alternatif khusus dalam pendidikan rohani umat Islam. Sejak itu, ia telah mengalami berbagai perubahan struktur yang ketara dan jelas. Pada awal perkembangannya, tarekat berasaskan *suhbah*, yakni melazimi guru, yang longgar dengan nama-nama seperti *al-Muhasibiyah*, *al-Qassariyyah*, *al-Tayfuriyyah*, *al-Junaydiyyah*, *al-Nuriyyah*, *al-Sahliyyah*, *al-*

Hakimiyyah, al-Kharraziyyah, al-Khafifiyyah dan al-Sayyariyyah (al-Hujwiri t.th:130). Pada zaman perkembangannya, ia menjadi sebagai institusi yang khusus dengan diketuai oleh *al-Shaykh al-Murshid* sebagai ketua, *al-salik* sebagai murid dan pengikut serta dikawal selia dengan berbagai kaedah dan peraturan. Perkara ini boleh dilihat pada gerakan tarekat di dunia Islam seperti *Qadiriyyah, Shadhiliyyah, Naqshabandiyah, Khalwatiyyah, Shattariyyah, Sammaniyyah, 'Alawiyyah, Ahmadiyah Idrisiyyah* dan *Tijaniyyah* (Mohd Faizal 2018:12-46).

TAREKAT AHMAD B. IDRIS

Salah satu tarekat yang telah diperkenal dan disebarluaskan di Malaysia sejak abad ke-19 ialah tarekat Ahmadiyah Idrisiyyah. Tarekat ini adalah sebuah tarekat yang diasaskan pada abad ke-19. Kemunculannya dihubung kaitkan dengan seorang ulama Islam yang disegani keilmuannya bernama Sayyid Abu al-'Abbas Ahmad b. Idris al-Ara'ihi al-Fasi (1757-1837M) (Sedgwick 2005: 11). Berasal dari Maghribi, Sayyid Ahmad b. Idris merupakan keturunan Imam Idris b. 'Abd Allah al-Mahd daripada Dinati Idriss yang pernah memerintah Fez di Maghribi antara tahun 788-974. Sayyid Ahmad b. Idris memulakan pengajian agamanya di Fez, dengan ramai guru seperti 'Abd al-Karim al-Yazighi (m.1784), Muhammad al-Tawidi b. Suda (m.1801-2) dan Muhammad al-Tayyib b. Kiran (d.1812) (O'Fahey dan Karrar 1987:206).

Sayyid Ahmad b. Idris juga telah diijazahkan beberapa tarekat oleh guru-gurunya seperti *al-Khidriyyah al-'Aziziyyah* daripada Sayyid 'Abd al-Wahhab al-Tazi al-Hasani, *al-Shadhiliyyah al-Nasiriyah* daripada Sayyid Abu al-Qasim al-Wazir al-Ghazi dan *al-Khalwatiyyah* daripada al-'Arif bi Allah Shaykh Hasan Bik al-Qina'i. Setelah menerima pendidikan Islam berbentuk formal dan pendidikan tarekat, Sayyid Ahmad b. Idris memulakan karier sebagai guru hingga mempunyai kumpulan murid beliau yang khusus. Dalam pengajaran beliau, Sayyid Ahmad b. Idris telah mengkritik beberapa aspek keilmuan Islam ketika itu seperti penghormatan melampau kepada guru dan menekankan rujukan kembali kepada al-Quran dan al-Sunnah (O'Fahey & Karrar 2987:206; Fuad 2007:198). Misi penyebaran tajdid ajaran Islam dalam kerangka dua sumber utama iaitu al-Quran dan al-Sunnah inilah yang menjadi fokus utama ajaran Sayyid Ahmad b. Idris. Oleh itu, gerakan

tajdid yang dibawa Sayyid Ahmad b. Idris ketika di Mekah lebih masyhur dengan nama *al-Tariqah al-Muhammadiyyah*. Sebaliknya, nama Tarekat Ahmadiyah Idrisiyyah yang diasosiasikan dengan Sayyid Ahmad b. Idris bukan nama asal tarekat beliau, bahkan tidak masyhur ketika hidupnya (Sedgwick 2005: 11).

Menurut Sedgwick (2005:17), penggunaan nama *al-Tariqah al-Muhammadiyyah* adalah sebagai indikasi bahawa Sayyid Ahmad b. Idris tidak mengasaskan sebuah organisasi tarekat yang tersendiri seperti yang dikenal pada hari ini dengan nama Tarekat Ahmadiyah Idrisiyyah. Sebaliknya, ajaran beliau merupakan sebahagian daripada sebuah gerakan umum yang dikenali dengan nama *al-Tariqah al-Muhammadiyyah*. Tidak diketahui secara tepat bilakah label itu mula diperkenalkan. Namun menurut Hasrizal et al. (2017: 473), nama *al-Tariqah al-Muhammadiyyah* setakat yang diketahui telah dimula guna sejak abad keenam belas oleh Mehmed Birgivi Efendi (1523-1573m) dalam bukunya *Al-Tariqah Al-Muhammadiyyah Fi Bayan Al-Sirah Al-Nabawiyah Al-Ahmadiyyah*.

Al-Tariqah al-Muhammadiyyah adalah sebuah gerakan tajdid agama yang menggunakan pendekatan tarekat. Gerakan ini dikatakan bergerak aktif pada abad ke-18 dan ke-19 di Utara Afrika dan Asia Barat. Ia diasaskan atas inspirasi untuk mengembalikan kepada penghayatan ajaran Islam yang sahih dan benar berdasarkan al-Quran dan menjadikan Nabi Muhammad SAW sebagai contoh tauladan. Gerakan *al-Tariqah al-Muhammadiyyah* membawa beberapa ciri utama yang menjadi syiarnya. Kriteria utama gerakan ini ialah mengutamakan al-Quran, al-Sunnah dan Ijmak para Sahabat RAH dan menolak *taqlid*. Sementara itu, dalam konteks kerohanian atau tasawuf pula, gerakan ini menekankan kepentingan satu *tariqah* daripada banyak tarekat dengan satu syeikh atau guru iaitu Nabi Muhammad SAW sebagai jalan menuju Allah SWT, bukan melalui berbagai tarekat dengan guru-guru yang berbeza (Fahey & Karrar 1982:208; Segdwick 2005:27).

Gerakan tajdid yang terkenal di bawah panji *al-tariqah al-Muhammadiyyah* bukanlah nama khusus bagi gerakan yang diasosiasikan dengan Sayyid Ahmad b. Idris sahaja. Sebalik, panji atau label ini dikongsi bersama oleh beberapa aliran tarekat seperti *Sammaniyyah, Tijaniyyah, Muhammadiyyah Naqshabandiyah* di samping gerakan dakwah yang dipimpin oleh Sayyid Ahmad b. Idris (Sedgwick 2005:27). Di samping itu, satu ciri khusus yang

kepada berbagai tarekat yang termasuk di bawah panji *al-Tariqah al-Muhammadiyyah* ini ialah perbincangan keharusan pengalaman kerohanian atau pertemuan secara *ruhi* (alam rohani) dengan Nabi Muhammad s.a.w ketika sedar. Pengalaman ini diistilahkan sebagai *yaqazah* yang dianggap suatu pengalaman kerohanian yang harus (*al-mumkinat*) terjadi kepada individu tertentu (Fuad 2007:216).

Penggunaan perkataan *tariq* atau jalan menunjukkan bahawa gerakan ini merupakan suatu usaha tajdid untuk penghayatan ajaran Islam dengan kaedah tarekat sebagai metodologi gerakan. Oleh kerana Tarekat Muhammadiyyah merupakan sebuah gerakan tajdid menggunakan pendekatan tarekat secara longgar, maka Sayyid Ahmad b. Idris tidak hanya memberi tumpuan terhadap penyebaran dan pembacaan bacaan *awrad* dan *hizib*, yakni himpunan susunan doa dan ayat-ayat al-Quran semata sebagaimana yang dilakukan dalam sesebuah institusi tarekat. Bahkan Shaykh Ahmad b. Idris tidak menggunakan beberapa istilah khusus dalam tarekat seperti panggilan ustadh bagi guru, bukan *al-shaykh al-murshid*, *al-talib* bagi pengikutnya, bukan *al-murid* atau *al-salik*, istilah *al-wakil* bagi seseorang yang mewakili beliau, bukan istilah *khalifah* (Sedgwick 2005:17).

Sebaliknya, gerakan dakwah Sayyid Ahmad b. Idris secara tegas memberi penekanan terhadap penghayatan ajaran Islam yang sebenar berteraskan ketakwaan kepada Allah SWT, penghayatan terhadap ajaran al-Quran dan mengikut Sunah Rasulullah s.a.w. Perkara telah digambarkan melalui kata-kata Sayyid Ahmad b. Idris di dalam kitabnya, *al-Iqd al-Nafis fi Nuzum Jawahir al-Taqdis*: “Nasabku (nasabi) adalah al-Kitab dan al-Sunnah. Lihatlah kepadaku, jika kamu dapatku aku berada atas landasan al-Kitab dan al-Sunnah, maka katakanlah, “Ahmad b. Idris berada atas landasan al-Kitab dan al-Sunnah. Maka inilah nasabku” (Fuad 2007:3).

Transformasi awal yang berlaku kepada gerakan yang diasaskan oleh Sayyid Ahmad b. Idris ini berlaku pada pertengahan abad ke-19. Setelah kematian Sayyid Ahmad b. Idris (1837), menurut Karrar (1992), perkembangan *al-tariqah al-Muhammadiyyah* semakin tersebar luas di kawasan Timur Tengah dan Afrika melalui usaha penggembangan dakwah para murid-murid Sayyid Ahmad b. Idris seperti Muhammad 'Ali al-Sanusi (m.1859M), Muhammad 'Uthman al-Mirghani (m.1853M), Muhammad Hasan Zafir al-Madani al-Darqawi, Muhammad Majdhub al-Saghir (1795-1831M), 'Abd al-Rahman bin Sulaiman al-Ahdal, Makki bin 'Abd al-Aziz, Muhammad bin Balol,

'Abd Allah bin al-Mawarzi (Abu al-Ma'ali), dan Sayyid Ibrahim b. Salih w. Haj al-Duwayhi, terkenal dengan panggilan Ibrahim al-Rashid (m.1874M), Muhammad 'Uthman b. Mubashshar, al-Jazuli b. Idris dan Syakh Tahir al-Haymadi.

Namun demikian, penerusan misi dakwah tajdid berdasarkan pendekatan *al-tariqah al-Muhammadiyyah* selepas kematian Sayyid Ahmad b. Idris menunjukkan perpezaan dari segi pendekatan. Sekurang-kurangnya, terdapat dua bentuk pendekatan telah diambil oleh anak-anak murid Sayyid Ahmad b. Idris. Pertama, terdapat murid-murid Sayyid Ahmad b. Idris yang telah mengambil pendekatan dengan penerusan dakwah guru mereka dengan memperkenalkan tarekat. Kedua, penerusan ajaran dan pendekatan Sayyid Ahmad b. Idris oleh para muridnya seperti yang dilakukan oleh guru mereka tanpa menekankan pendekatan tarekat sebagai bentuk khusus (Karrar 1992:103).

Pendekatan pertama telah digunakan oleh dua murid utama Ahmad b. Idris iaitu Muhammad 'Ali al-Sanusi (1787-1859M), Muhammad 'Uthman al-Mirghani (1793-1852M) dan Muhammad Hasan Zafir al-Madani. Muhammad b. 'Ali al-Sanusi telah meneruskan usaha dakwah yang diwarisi daripada gurunya, Sayyid Ahmad B. Idris dengan pendekatan tarekat baru iaitu *al-tariqa al-Muhammadiyyah al-Sanusiyyah* atau al-Sanusiyyah sahaja di Mekah dan disebarluaskan di Libya (Sedgwick 1997:350). Muhammad 'Uthman al-Mirghani juga menuruti langkah yang sama dengan memperkenalkan sebuah tarekat baru yang diberi nama *Tariqa al-Khatmiyyah* (Che Zarrina 2001) yang berkembang di Afrika. Menurut Fuad (2007:105), Muhammad Hasan Zafir al-Madani juga telah menyebarkan dakwah Sayyid Ahmad b. Idris melalui tarekat *al-Madaniyyah* yang tersebar di Mekah, Morocco dan Turki.

Pendekatan kedua pula ialah penerusan ajaran dan pendekatan Sayyid Ahmad b. Idris oleh para muridnya seperti 'Ali 'Abd al-Haqq al-Qusi (1877M) Muhammad b. Balol, 'Abd Allah bin al-Mawarzi (Abu al-Ma'ali), Sayyid Ibrahim al-Rashid (m.1874M) dan muridnya, Muhammad b. Ahmad al-Dandarawi, Muhammad 'Uthman b. Mubashshar, al-Jazuli b. Idris dan Shaykh Tahir al-Haymadi (Karrar 1992). Mereka telah meneruskan pendekatan dakwah yang dibawa oleh guru mereka di bawah panji *al-tariqah al-Muhammadiyyah* iaitu seruan dakwah untuk kembali kepada ajaran al-Quran dan Sunah serta penyebaran *awrad* sebagaimana yang diwarisi daripada guru mereka melalui pengajaran ilmu dan penubuhan madrasah serta zawiyyah.

Bagaimanapun, pada zaman generasi seterusnya, muncul pula beberapa tarekat baru sebagai cabang atau cawangan daripada *al-tariqah al-Muhammadiyyah*. Antara tarekat baru yang muncul daripada generasi murid Sayyid Ahmad b. Idris ialah Tarekat *Ahmadiyyah Idrisiyyah al-Rashidiyyah*. Kemunculan tarekat ini dinisbahkan kepada Sayyid Ibrahim al-Rashid, yakni murid Sayyid Ahmad sekalipun beliau bukanlah orang yang bertanggungjawab memperkenalkan tarekat baru ini. Sebaliknya, tarekat ini telah dibangunkan selepas kematian beliau pada tahun 1874M oleh anak saudara dan murid Ibrahim al-Rashid, al-Shaykh b. Muhammad b. Salih (1854-1919) (Sedgwick 2005:85).

Dalam perkembangan seterusnya, Al-Shaykh b. Muhammad b. Salih juga dilaporkan telah memperkenalkan satu lagi tarekat baru dengan nama tarekat *al-Salihiyyah* pada sekitar tahun 1887M di Mekah. Walaupun berbeza nama, tarekat ini dikenali sebagai cabang kepada tarekat *Ahmadiyyah al-Rashidiyyah* dan masih mengekalkan semua ajaran yang diwarisi daripada Sayyid Ahmad b. Idris. Tarekat ini telah berkembang di sebahagian Asia dan Afrika Timur seperti Somalia dan Senegal melalui murid-murid al-Shaykh seperti Muhammad Qulid al-Rashidi, Muhammah `Abd Allah Hasan (Mad Mulla) dan Ahmad Bamba (Karrar 1992:110).

Bentuk pendekatan yang kedua ini juga telah memberi laluan kepada kemunculan tarekat yang masih mempunyai hubungan dengan Sayyid Ahmad b. Idris tetapi dengan nama-nama lain. Antara contoh tarekat dalam bentuk kedua ini ialah Tarekat *Ahmadiyyah Idrisiyyah al-Rashidiyyah al-Dandarawiyah* yang dinisbahkan kepada Shaykh Muhammad b. Ahmad al-Dandarawi (1839/40-1910/11M). Bagaimanapun, Muhammad al-Dandarawi bukanlah individu yang memperkenalkan nama tersebut. Bahkan beliau telah mengikuti ajaran gurunya, Ibrahim al-Rashid di bawah panji *al-tariqah al-Muhammadiyyah*. Sebaliknya, nama Tarekat *Ahmadiyyah Idrisiyyah al-Rashidiyyah al-Dandarawiyah* sebenarnya diperkenalkan oleh anak beliau, Shaykh Abu al-`Abbas b. Muhammad al-Dandarawi (m.1953M) selepas kematiannya pada tahun 1910/11M (Karrar 1992:115).

PENGARUH TAREKAT AHMAD B. IDRIS DI MALAYSIA

Penulisan para sarjana seperti Hamdan Hassan (1992), Che Zarrina Sa'ari (2001), Mark Sedgwick

(2005) mengenai kemasukan tarekat Ahmad B. Idris ke Malaysia menunjukkan Kelantan adalah negeri yang pertama menerima pengaruh tarekat ini. Ia telah dibawa masuk oleh para ulama Melayu yang telah menimba ilmu agama di Mekah dan Madinah (*al-Haramayn*) dan pulang membawa bersama menerima ilmu agama dan amalan tarekat. *Al-Haramayn* pada abad 17 hingga awal kurun dua puluh Masihi, Mekah dan Madinah merupakan pusat pengajian bagi umat Islam untuk menimba berbagai ilmu-ilmu Islam daripada ulama-ulama yang masyhur dan terkenal. Kedatangan para pelajar Muslim dari seluruh dunia termasuk kawasan Nusantara seperti Indonesia, Malaysia dan Thailand memeriahkan lagi kegiatan keilmuan di sana.

Walaupun pada ke-18 dan ke-19, pusat-pusat keilmuan Islam juga terdapat di Mesir dan Yaman, namun *al-Haramayn* adalah pusat pengajian yang tidak terlepas daripada perhatian para pelajar ingin mendalami ilmu-ilmu Islam kerana ia mengumpulkan para tersohor dan berkaliber termasuk musim Haji. Kehadiran ramai pelajar dari Nusantara ini turut mendedah mereka mengenai kewujudan dan pengamalan berbagai aliran tarekat yang menjadikan *al-Haramayn* sebagai pusat aktiviti mereka (Hurgronje 1931).

Sayyid Ahmad b. Idris telah menjadikan *Masjid al-Haram*, Mekah sebagai pusat aktiviti gerakan dakwahnya. Bagaimanapun, beliau telah berpindah ke Sabya pada 1829 kerana menerima tekanan daripada para ulama Mekah. Gerakan *al-Tariqah al-Muhammadiyyah* di Mekah telah diserahkan kepada Sayyid Muhammad al-Sanusi sebagai wakil kepada beliau untuk meneruskan misi dakwah dan ajaran gurunya. Bagaimanapun, selepas kewafatan Sayyid Ahmad B. Idris, Sayyid Muhammad al-Sanusi telah mendirikan sebuah tarekat khusus yang dikenali sebagai Tarekat *Muhammadiyyah al-Sanusiyyah* yang dinisbahkan kepada nama beliau (Sedgwick 2005:25).

Pada sekitar pertengahan abad ke-19, muncul beberapa buah cabang tarekat yang berteraskan ajaran Sayyid Ahmad b. Idris seperti *al-Mirghaniyyah*, *al-Rashidiyyah*, *Salihiyah* dan *al-Dandarawiyah*. Antara para *masya'ikh* utama yang menjadi rujukan tarekat ini di Mekah pada zaman itu ialah Sayyid Ibrahim al-Rashid (1813-1874M) dan muridnya, Sayyid Muhammad bin Ahmad al-Dandarawi (1831M-1874M) (Ahmad Bin Muhammad Sa'id 1935) dan murid-murid mereka seperti Shaykh Ismail Nawwab dan Tok Shafie (w.1950). Melalui tokoh-tokoh ini, pengaruh tarekat

Ahmad b. Idris, yang diwakili oleh beberapa cabang tarekat yang dinisbahkan kepada beliau, dibawa masuk dan mula mendapat pengaruh di Malaysia bermula daripada suku akhir abad ke-19 dan negeri pertama yang mula-mula sekali mendapat pengaruh tarekat Ahmad B. Idris ialah Kelantan (Che Zarrina 2001:61).

Kemasukan awal Tarekat Ahmad B. Idris ke Kelantan adalah pada peringkat awal adalah usaha murid-murid Sayyid Ibrahim al-Rashid (Che Zarrina 2001:62). Beliau mempunyai beberapa orang murid dari Malaysia yang menyebarkan tarekat Ahmadiyyah Idrisiyyah di Kelantan seperti Shaykh Wan Ahmad Bin Muhammad Zayn Mustafa al-Fatani atau Shaykh Ahmad al-Fatani (1856-1908), Shaykh Wan Ali Bin Abdul Rahman atau Wan Ali Kutan (1837-1921), Shaykh Wan Abdul Samad Bin Wan Muhammad Salih Bin Wan Abdul Latif al-Kelantani (Tuan Tabal) (1840M-1891M) (Ahmad Zaki et.al 2009:142). Bagi kepimpinan Tuan Tabal, penerusan amalan tarekat Ahmad b. Idris telah diteruskan oleh anak-anak beliau seperti Haji Wan Musa (1874-1939) dan Haji Nik Wan Abdullah (1877-1926) selepas kematiannya (Muhammad Azam 2013:89).

Di Kelantan, Tarekat Ahmad b. Idris juga turut disebarluaskan oleh murid Sayyid Muhammad bin Ahmad al-Dandarawi seperti Shaykh Muhammad Said bin Jamaluddin Linggi (1874-1926) dan Shaykh Abu al-Hassan Azhari (m.1939) di Kelantan. Para pengkaji kelihatannya sukar menentukan sebab yang kukuh mengapa tarekat Ahmad b. Idris ini pada awalnya hanya tertumpu penyebarannya di Kelantan sahaja (Che Zarrina 2000:45). Kecenderungan kenegerian atas alasan asal usul tidak bukan faktor yang kuat untuk menjawab persoalan tersebut. Ini kerana terdapat tokoh-tokoh pengamal tarekat ini yang berasal dari luar Kelantan seperti Shaykh Muhammad Said bin Jamaluddin Linggi dan Shaykh Abu al-Hassan Azhari yang turut berkunjung ke negeri tersebut dengan tujuan untuk menyebar Tarekat Ahmad b. Idris (Mazlan Ibrahim et al: 2020).

Pada tahun 2015, dapatkan temubual dengan beberapa tokoh akademik dan pengamal tarekat di Malaysia seperti Che Zarrina Bin Che Saari (2015), Haji Zaidi Hassan (2015), Haji Muhsin Bin Abdul Rashid (2015) mendapati bahawa pengaruh Tarekat Ahmad B. Idris ini terus berkembang di Kelantan dan diamalkan di empat buah tempat iaitu Surau Haji Awang Banggol, Kota Baharu di bawah pimpinan Tuan Haji Che Saari bin Hussain, di Bukit Abal pimpinan Tuan Haji Mubarok bin Haji Daud, di

Salor Kota Bharu Kelantan di kalangan murid Tuan Haji Abdullah Lubuk Tapah yang diketuai oleh Tuan Haji Zaidi Bin Hassan dan di Padang Salim yang merupakan cabang kepada Tuan Haji Muhsin bin Abdul Rashid.

Di Negeri Sembilan, aliran Tarekat Ahmad ini dibawa oleh Syeikh Muhammad Said bin Jamaluddin al-Lingga. Setelah kembali dari Mekah, beliau terlebih dahulu merantau dan bermusafir ke beberapa tempat seperti ke Kedah dan Kelantan bagi tujuan menyebarkan ajaran Tarekat *Ahmadiyyah Idrisiyyah*. Ketika di Kelantan, beliau telah menetap di rumah Haji Awang Alim di Jalan Atas Banggul, Kota Bharu. Di situ beliau telah menyebarkan Tarekat Ahmadiyyah kepada penduduk tempatan (Hamdan 1992).

Bagaimanapun, Syeikh Muhammad Said tidak tinggal lama di Kelantan. Beliau kembali ke Negeri Sembilan dan menetap negeri tersebut. Beliau telah memilih Ampangan sebagai pusat awal tarekat yang dibawa olehnya sebelum berpindah ke Pondok Rasah, Seremban. Populariti dan pengaruh tarekat Ahmad b. Idris ini terus berkembang melalui usaha dakwah Muhammad Said al-Lingga (Kamal & Zaidi 2016).

Sementara itu, hubungan Syeikh Muhammad Said bin Jamaluddin al-Lingga dan para ikhwan di Kelantan tetap berterusan sehingga kini. Tuan Haji Che Shaari sering berulang-alik dari Kota Bharu ke Pondok Rasah di Negeri Sembilan untuk bertemu dengan keluarga Syeikh Haji Muhammad Said di Seremban termasuklah Shaykh Dato' Murtazda (Che Sa'ari 2015). Ini menunjukkan bahawa hubungan antara jalur Negeri Sembilan dan Kelantan khususnya di Kota Bharu mempunyai hubungan yang erat.

Di samping itu, pengaruh Tarekat Ahmad B. Idris juga dibawa masuk ke Negeri Sembilan melalui jalur atau silsilah Shaykh Ismail Nawwab yang merupakan murid Sayyid Ibrahim al-Rashid. Semasa di Mekah, beliau turut terlibat dengan pengajaran ilmu-ilmu Islam dan mempunyai murid-murid dari Malaysia termasuklah Haji Muhammad Shafie Bin Muhammad Salleh, dikenali dengan panggilan Tok Shafie (w.1950). Tok Shafie sendiri kemudiannya mengambil keputusan untuk tinggal di Mekah dan mengajar di sana (Sedgwick 2005:91). Pengaruh tarekat Sayyid Ahmad b. Idris ini telah disebar ke Negeri Sembilan melalui anak-anak murid beliau yang terkenal di Negeri Sembilan iaitu Tuan Guru Haji Ibrahim Mohd Dahan (1907-1997) dan Dato'Abdullah Bin Sijang (1915-2003) (Saiful 2015).

Pada tahun 2015, temubual dengan beberapa pengamal tarekat *Ahmadiyyah Idrisiyyah* di Negeri Sembilan mendapati bahawa Tarekat Ahmad b. Idris negeri ini berada di bawah pimpinan empat Khalifah atau wakil iaitu pimpinan Shaykh Dato' Mohd Murtadza bin Haji Ahmad di Pondok Rasah Seremban, Shaykh Muhammad Paiz bin Haji Ahmad di Linggi, Dr Syuhadak bin Mahmud di Sahabat Ja'afari Mukim Pantai, Jalan Sikamat. Pada tahun 2016, satu cabang baru Tarekat Sayyid Ahmad B. Idris di Malaysia telah dipertanggungjawabkan kepada Dato' Syeikh Muhammad Fuad bin Kamaluddin sebagai Khalifah bagi Tarekat Ahmadiyyah bagi kawasan Asia Tenggara (Fuad 2016).

Walaupun empat cabang tarekat ini berasal daripada *Shaykh Ahmad b. Idris*, masing-masing menggunakan nama yang berbeza sebagai identiti disebabkan oleh jalur atau silsilah pengambilan amalan tarekat yang berbeza. Aliran tarekat pimpinan *Shaykh Dato' Mohd Murtadza bin Haji Ahmad* menggunakan nama Tarekat *Ahmadiyyah al-Idrisiyah al-Rashidiyyah al-Dandarawiyah*. Aliran tarekat yang dipimpin oleh *Shaykh Muhammad Paiz bin Haji Ahmad* pula menggunakan nama Tarekat *Ahmadiyyah Idrisiyyah Linggi*. Tarekat yang berada di bawah pimpinan Dr Syuhadak bin Mahmud pula memakai nama *Tarekat al-Ja'fariyyah al-Ahmadiyyah al-Muhammadiyyah* sementara tarekat yang berada di bawah pimpinan Dato' Muhammad Fuad Kamaluddin pula menggunakan nama Tarekat *Ahmadiyyah Idrisiyyah* (Saiful 2015).

Pengaruh Tarekat Ahmad b. Idris juga tersebar di beberapa daerah di Melaka yang turut menunjukkan variasi dari segi silsilah dan amalan. Pengaruh pengamalan tarekat ini didapati telah dibawa oleh Tuan Guru Haji Wahid bin Othman (1909-1990) ke Sungai Udang, Melaka daripada Kelantan. Beliau pernah berguru dengan Haji Wan Musa (1874-1939), pewaris tarekat Ahmad b. Idris daripada ayahnya, Tuan Tabal. Melalui gurunya ini, Haji Abdul Wahid mengambil amalan tarekat ini dan disebarluaskan ke Melaka (Azmi Budin & Mohamad Nazli 2018:149).

Pengamalan tarekat Ahmad b. Idris ini juga didapati di Ayer Limau dan Kampung Lapan yang merupakan cabang daripada Tarekat *Ahmadiyyah al-Rashidiyyah al-Dandarawiyah* pimpinan Shaykh Dato' Murtadza bin Haji Ahmad, Seremban (Murtadza 2015). Di samping itu, wujud juga cabang pengamalan *Ahmadiyyah Idrisiyyah* daripada kepimpinan Shaykh Haji Muhsin bin Abdul Rashid di Masjid Tanah. Wujudnya cabang pengamalan tarekat ini di dua buah tempat ini menunjukkan

pengaruh yang diperolehi daripada Negeri Sembilan (Muhsin 2015).

Di samping itu, temubual bersama Ustaz Muhammad Rajab Akmal bin Abdul Halim (2015) mendapati bahawa pengamalan tarekat Ahmad b. Idris juga diamalkan di Pusat Perubatan Darul Ansar Pulau Gadong, Melaka di bawah nama Tarekat *al-Muhammadiyyah al-Ahmadiyyah al-Shadhiliyyah*. Pengamalan tarekat cabang ini juga telah dikembangkan ke Kedah berpusat di Madrasah Tarbiah al-Faqeh (MATAF) di Bukit Selambau, Sungai Petani di bawah pimpinan Ustaz Ismail Bin Baharum sebagai wakil Ustaz Muhammad Rajab.

Menurut sumber dari Jabatan Mufti Negeri Sarawak (Shah 2015), pengamalan Tarekat Ahmadiyyah di Sarawak bertempat di dua kawasan iaitu Limbang dan Miri. Kumpulan tarekat di Limbang diwakili oleh Ustaz Ahmad Rambli yang mengikuti kepimpinan *Shaykh Mohammad Paiz bin Haji Ahmad*. Manakala kumpulan tarekat di Miri diwakili oleh Encik Malik pula mengikuti kepimpinan *Shaykh Muhsin bin Abdul Rashid*. Sementara itu, pengamalan Tarekat Ahmadiyyah Idrisiyyah juga turut dikesan di Kampung Sri Aman, Lorong Rambutan, Jalan Seelong, daerah Skudai, Johor yang dipimpin oleh *Shaykh Muhsin bin Abdul Rashid*. Walaupun kedua-dua cabang tersebut berbeza dari sudut kepimpinan, dua cabang tarekat itu mempunyai hubungan yang kuat kerana berasal satu jalur silsilah iaitu keturunan *Shaykh Muhammad Said* (Malik 2015 dan Zambri 2015).

Berdasarkan perbincangan di atas, jelas menunjukkan pengaruh kuat Tarekat Ahmadiyyah Idrisiyyah di Malaysia. Setelah berada selama hampir dua abad di Malaysia, penyebaran dan pengamalannya masih dipertahankan oleh generasi pewaris amalan Tarekat ini hingga kini. Sejarah kemasukan awal Tarekat Ahmadiyyah Idrisiyyah ke Malaysia pada peringkat awalnya adalah melalui Mekah. Ia dibawa masuk oleh tokoh-tokoh awal tarekat ini seperti Tuan Tabal, *Shaykh Ahmad al-Fatani*, Tuan Guru Haji Wan Musa, *Shaykh Muhammad Said al-Lingga* dan *Shaykh Daud Bukit Abal* dari Mekah yang merupakan pusat pengajian ilmu-ilmu Islam pada zaman itu. Corak pengambilan itu masih lagi diteruskan oleh generasi para pelajar Melayu kemudian yang pulang dari Mekah seperti Tuan Guru Haji Ibrahim Mohd Dahan (1907-1997) dan Dato' Abdullah Bin Sijang (1915-2003).

Hubung kait antara guru dan murid yang membawa kepada penyebaran tarekat ini serta kaitan antara cabang-cabang tarekat ini di Malaysia

dapat diperhatikan daripada usaha Tuan Tabal dan Shaykh Muhammad Said. Shaykh Abdul Samad bin Muhammad (Tuan Tabal) yang merupakan murid kepada Shaykh Ibrahim Al-Rashid telah menyebarkan Tarekat Ahmadiyyah Idrisiyyah di Kelantan. Setelah beliau meninggal dunia, pimpinan Tarekat Ahmadiyyah di Kelantan di ambil alih oleh anaknya, Haji Wan Musa bin Abdul Samad. Hubungan Kelantan dengan Melaka mempunyai pertalian silsilah yang sangat kuat apabila salah seorang murid kepada Haji Wan Musa iaitu Haji Abdul Wahid bin Othman membawa tarekat Ahmadiyyah ke Melaka. Perkara ini dapat diperhatikan dengan jelas apabila kegiatan amalan zikir, majlis haul, ajaran, dan pendekatan Tarekat Ahmadiyyah yang dibawa di Melaka saling tidak tumpah dengan di negeri Kelantan (Hamdan 1992).

Bermula daripada usaha yang dilakukan oleh tokoh-tokoh di atas, tarekat Ahmadiyyah Idrisiyyah telah berkembang di Malaysia melalui anak-anak murid mereka pula seperti yang didapati di Negeri Sembilan, Kelantan, Melaka dan Sarawak (Ummi Zainab 2018). Hubungan guru dan murid antara kumpulan Tarekat Ahmadiyyah Idrisiyyah di beberapa negeri khususnya di Kelantan, Negeri Sembilan dan Melaka menunjukkan hubungan yang jelas dan berkait antara satu sama lain. Justeru, rata-rata kumpulan tarekat di empat buah negeri tersebut mempunyai persamaan dari segi ajaran dan amalan zikir. Walaupun terdapat beberapa perbezaan antara pelaksanaan majlis zikir, ia hanyalah dari sudut teknikal bagi memantapkan lagi proses perjalanan majlis zikir (Che Shaari 2015).

Pendekatan tokoh-tokoh ulama yang menjadi penyebar awal Tarekat Sayyid Ahmad b. Idris seperti Shaykh Muhamad b. Sa' id al-Lingga, Tuan Tabal, Dato' Abdullah Sijang, Tuan Guru Hj. Ibrahim Md Dahan, Tuan Guru Haji Abdul Wahid mengambil pendekatan Sayyid Ahmad b. Idris, iaitu melaksanakan misi tajdid ajaran Islam tanpa menggunakan pendekatan tarekat yang rigid. Perkembangan tarekat Ahmadiyyah di Malaysia dalam bentuk dakwah tajdid Islam ini didapati masih berlaku hingga sekarang seperti yang diwarisi daripada para pewaris amalan Tarekat ini di Kelantan seperti anak-anak murid Tuan Guru Haji Abdullah Lubuk Tapah (Zaidi 2015). Ini menjadikan pengamalan tarekat ini bersifat individu atau berlebar dalam kelompok kecil, tidak terlalu menonjol dalam masyarakat serta tidak mempunyai tempat khusus sebagai pusat pengamalan.

Di samping itu, dapatan temubual dengan beberapa pengamal Tarekat Ahmadiyyah Idrisiyyah di Malaysia seperti Haji Che Saari (2015) di Kelantan, Dr. Shuhadak Mahmud (2015) dan Dato' Muhammad Fuad Bin Kamaluddin (2015) di Negeri Sembilan serta Ustaz Rajab Akmal Bin Abdul Halim (2015) di Melaka mendapati bahawa Tarekat Ahmadiyyah Idrisiyyah ini dikembang dalam bentuk pendekatan institusi tarekat. Kumpulan yang membawa pengamalan di bawah pendekatan ini mempunyai jalur silsilah (jaringan guru-murid) yang diambil terus daripada Asia Barat seperti Mesir dan Sudan.

Antara pengamal tarekat Ahmad b. Idris yang termasuk dalam kategori ini ialah Tuan Haji Che Saari (2015) mengambil daripada Sayyid ibn Idris dari Sudan, Dr. Syuhadak Mahmud (2015) yang mengambil daripada Shaykh 'Abd al-Ghani b. Salih al-Ja'fari dari Mesir, Ustaz Rajab Akmal (2015) yang mengambil daripada Sayyid Muhammad b. Idris al-Idrisi al-Hasani dari Sudan dan Dato' Muhammad Fuad bin Kamaluddin (2016) yang menerima daripada Shaykh Abdul Wahab Tazi dari Sudan. Jalur silsilah yang berasal dari Sudan mempunyai keistimewaan yang tersendiri di mana kerana mempunyai hubungan nasab kekeluargaan dengan Sayyid Ahmad B. Idris dikenali dengan istilah *Adarisah* (Karrar 2992:103). Suatu ciri khusus kumpulan kedua ini ialah sifat pengamalan yang bersifat menonjol (*visible*) yang memperlihatkan penglibatan anggota masyarakat yang ramai. Oleh itu, kumpulan ini mempunyai tempat khas sebagai pusat pengamalan seperti yang telah disebutkan di atas.

KESIMPULAN

Tarekat Ahmad b. Idris adalah sebuah gerakan tajdid dengan menggunakan pakai kaedah tarekat. Hal menjadikan Tarekat Ahmad b. Idris tergolong dalam sebuah gerakan di bawah panji *al-tariqah al-Muhammadiyyah* pada abad ke-18 dan ke-19. Perkembangan Tarekat Ahmad b. Idris ini bermula di Mekah tetapi tidak menggunakan pendekatan institusi tarekat yang hanya tertumpu kepada terpusat kepada guru atau *al-shaykh al-murshid*, pembacaan dan penyebaran *awrad* sahaja. Sebaliknya ia adalah sebahagian daripada gerakan yang mengajak umat Islam kembali menghayati panduan al-Quran dengan menjadikan Nabi Muhammad SAW sebagai

tumpuan dan suri tauladan (*role model*) dengan menggunakan pendekatan tarekat yang longgar. Selepas kematian beliau, tarekat ini dikembangkan oleh para muridnya menggunakan dua pendekatan iaitu secara individu dan secara bertarekat dengan nama tertentu. Perkembangan tarekat Ahmad b. Idris ini di beberapa buah negeri di Malaysia seperti di Kelantan, Melaka, Sarawak, Kedah dan Negeri Sembilan menunjukkan pengaruhnya yang kuat hingga masih bertahan setelah diperkenalkan sejak dua abad yang lalu. Bahkan Negeri Sembilan dianggap sebagai negeri bagi Tarekat Ahmadiyyah Idrisiyyah kerana mempunyai dianggap mempunyai pengikut tarekat ini yang paling ramai berbanding negeri-negeri lain. Penganalisaan terhadap bentuk penyebaran dan pengamalan tarekat di Malaysia ini menunjukkan bahawa diamalkan dengan dua bentuk pendekatan iaitu bersifat tarekat dan individu. Hal ini jelas menunjukkan bahawa pola penyebaran tarekat Ahmad b. Idris ini di Malaysia adalah dipengaruhi tempat asal usul tarekat tersebut. Kedua-dua bentuk pendekatan ini masih wujud hingga kini walaupun pendekatan bersifat institusi tarekat kelihatan lebih ketara pada masa kini melalui penglibatan dominan silsilah dari Sudan daripada keturunan Sayyid Ahmad b. Idris.

RUJUKAN

- Abu Hanieh, Hassan. 2011. *Sufism and Sufi Orders: God's Spiritual Path. Adaptation and Renewal in the Context of Modernization*. Jordan: Friedrich-Ebert-Stiftung.
- Ahmad Muhammad Sa'id, T.Th. *Al Qaul Al Wafi Yang Sabit Padanya Zikir Al Jali Dan Al Khafi*. Seremban: Madrasah As Saidiyah.
- Ahmad Zaki Berahim@Ibrahim & Mohd. Roslan Mohd Nor. 2009. Tuan Tabal (m.1891) dan sumbangannya dalam perkembangan Islam di Tanah Melayu. *Jurnal Tamadun* 4:129-143.
- Asri Ariffin, 2015. Tarekat Ahmadiyah Idrisiyyah di Bukit Abal. Temu bual, 21 Februari.
- Azmi Budin & Mohamad Nazli Omar. 2018. Sumbangan Mualim Haji Wahid dalam bidang dakwah di Melaka. *Jurnal Maw'izah* 1:137 – 153.
- Che Sa'ari Hussein, 2015. Tarekat Ahmadiyah di Banggol Kelantan. Temu bual, 17 Februari
- Che Zarrina Sa'ari. 2000. Biografi Shaikh Ahmad b. Idris dan Sumbangannya terhadap alam kesufian. *Akfar* 1 (Jun): 33-54.
- Che Zarrina Sa'ari. 2001. Biografi Shaikh Muhammad 'Uthman al-Mirghani (1208H/1793-4M-1286/1852-3M) dan sumbangannya terhadap pembentukan Tarekat Khatmiyyah. *Jurnal Usuluddin* 13 (Julai): 21-36.
- Che Zarrina Sa'ari. 2001. Perkembangan Tarekat Ahmadiyyah di Negeri Kelantan Darul Naim. *Afsar*. 2 (Jun): 61-86.
- Al-Ja'afari, Soleh bin Muhammad, 1998. *al-Muntaqa al-Nafis fi Manaqib Qutb Da'irah al-Taqdis*. Kaherah: Dar al-Jawami' al-Kalam.
- Hamdan Hassan. 1992. *Tarekat Ahmadiyyah di Malaysia: Suatu Analisis Fakta Secara Ilmiah*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Hasrizal Abdul Jamil, Ezad Azraai Jamsari, Farid Mat Zain & Noorsafuan Che Noh. 2017. Pemikiran Tajdid Dan Islah Mehmed Birgivi Efendi (1523-1573m). Dlm. *Proceedings Of The International Conference On Islam, Development And Social Harmony In Southeast Asia*, disunting oleh Mohd Nasran Mohamad, Muhamad Razak Idris, Farid Mat Zain, Cheloh Khaegphong, Anis Pattanaprichawong & Nik Abdul Rahim Nik Abdul Ghani. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Hurgronje, Snouck. 1931. *Mekka in the Latter Part of the 19th Century*, Terj. J. H. Monahan. Leiden: E. J. Brill.
- Kamal Amran dan Mohd Zaidi Ramli. 2016. *Biografi Syeikh Hj. Mohd Murtadza Bin Syeikh Hj. Ahmad*. N.Sembilan: Majlis Agama Islam Negeri Sembilan.
- Luqman bin Abdullah, 2015. Tarekat Ahmadiyyah Idrisiyyah Pimpinan Tuan Guru Haji Lubuk Tapah. Temu bual 12 Julai.
- Malik Haji Ali, 2015. Tarekat Ahmadiyah Idrisiyyah di Miri, Sarawak. Temu bual, 5 Mac.
- Mazlan Ibrahim, Ahmad Yunus Mohd Noor & Abdullah Aqil Faqih Che Mohd Rahim, 2020. Kolumnis Tafsir Al-Quran Majalah Pengasuh Tahun 1953-2017. *Akademiaka* 90(3), 2020: 173-183.
- Mohd Haji Alias, Mohd Fauzi Amin, Kamal Amran Kamarudin dan Noor Adibah. 2016. *Biografi Syeikh Hj. Mohd Murtadza Bin Syeikh Hj. Ahmad*. Nilai: Penerbit USIM.
- Mohd Murtadza Bin Shaykh Haji Ahmad. 6 Disember 2012. *Tarekat Al-Ahmadiyyah Al-Idrisiah Al-Rasyidiah Al-Dandarawiyah dan Sejarahnya di Negeri Sembilan*. Kertas kerja kepada pertandingan bahagian Penyelidikan, Jabatan Agama Islam Johor: Jabatan Mufti Kerajaan Negeri Sembilan.
- Mohd Murtadza Haji Ahmad, 2015. Tarekat Ahmadiyyah Idrisiyyah di Negeri Sembilan.
- Muhammad Fuad bin Kamaluddin, 2007. *Sayyid Ahmad bin Idris al-Hasani*. Seremban: Sofa Production.
- Muhammad Rajab Akmal Abdul Halim, 2015. Tarekat Ahmadiyah Idrisiyyah di Melaka. Temu bual, 23 April.
- Muhsin Abdul Rashid, 2015. Tarekat Ahmadiyah Idrisiyyah dan perkembangannya. Temu bual, 8 Mac.
- O'Fahey, Rex & Ali Salih Karrar. 1987. The Enigmatic Imam: The Influence of Ahmad ibn Idris. *International Journal of Middle East Studies*. 19 (2):205-219.
- Palacios, Marina. 2016. *Neo-Sufism: Examining the Roots of the Islamic Reform Movement Called "Neo-Sufism"*. Master Thesis. Leiden. Unpublished.

- Qutrennada Rosli, Ahmad Yunus Mohd Noor. 2017. Pengajaran dan Pembelajaran Hadith di Darul cUlūm Ihyā' cUlūmuddīn Alor Setar Kedah: Keberkesanan, Metodologi dan Persepsi Pelajar. *Akademika* 87(3), Oktober 2017:137-149.
- Rahman, Fazlur. 1979. *Islam*. Chicago: The University of Chicago Press.
- Ridgeon, L. 2015. *Sufis and Salafis in the Contemporary Age*. London: Bloomsbury.
- Saiful Nizam, 2015. Tarekat Ahmadiyyah di Negeri Sembilan. Temubual 19 Mac.
- Sedgwick, Mark T.R. 2005. *Saints and Son: The Making and Remaking of The Rashidi Ahmadi Sufi Order, 1799-2000*. Boston: Tuta Sub Aegide-Pallas.
- Sedgwick, Mark T.R. 1997. Saudi Sufis: Compromise in the Hijaz, 1925-40. *Die Welt des Islams*. 37 (3): 349-368.
- Umi Zainab Mohd Ghazali & Muhammad Azizan Sabjan. 2018. Sumbangan pemikiran dan perjuangan dakwah Muhammad 'Uthman El-Muhammady di Malaysia. *Akademika* 88 (1): 107-119.
- Zambri Shah, 2015. Tarekat Ahmadiyyah Idrisiyyah di Sarawak. Temu bual, 5 Mac.
- Zaidi Hassan, 2015. Tarekat Ahmadiyyah Idrisiyyah Tuan Guru Haji Lubuk Tapah. Temu bual 3 Jun.
- Faudzinaim Badaruddin (corresponding author)
Pusat Kajian Usuluddin & Falsafah
Fakulti Pengajian Islam
Bangi, Universiti Kebangsaan Malaysia
Email: fnaim@ukm.edu.my
- Zakaria Stapa
Pusat Kajian Usuluddin & Falsafah
Fakulti Pengajian Islam
Bangi, Universiti Kebangsaan Malaysia
Email: karia@ukm.edu.my
- Abdull Rahman Mahmood
Pusat Kajian Usuluddin & Falsafah
Fakulti Pengajian Islam
Bangi, Universiti Kebangsaan Malaysia
Email: abrm@ukm.edu.my
- Muhammad Khairi Mahyuddin
Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan
Universiti Sains Islam Malaysia
Nilai, Negeri Sembilan Darul Khusus
Email: muhdkhairi@usim.edu.my

Received: 20 November 2019

Accepted: 24 February 2021